

ACCU-CHEK®
SmartGuide



PANDUAN PENGUNA

PERANTI ACCU-CHEK SMARTGUIDE

Kandungan

1 Perihal Panduan Pengguna Ini.....	3
2 Maklumat Produk.....	4
2.1 Tujuan Penggunaan.....	4
2.2 Pengguna Sasaran.....	4
2.3 Indikasi, Kontraindikasi dan Batasan.....	4
2.4 Kandungan Bungkusan.....	5
2.5 Cara Penyimpanan yang Disyorkan.....	5
2.6 Gambaran Ringkas Komponen.....	5
2.7 Peralatan Tambahan yang Diperlukan.....	5
3 Maklumat Keselamatan Am.....	6
4 Memasang Sensor Anda.....	9
5 Menentukur Sensor Anda.....	13
5.1 Mod Trend dan Mod Terapi.....	13
5.2 Penentukuran.....	13
6 Memakai Sensor Anda.....	15
7 Mengeluarkan Sensor Anda.....	16
8 Maklumat Pelupusan.....	17
9 Sokongan Pelanggan.....	18
10 Data Teknikal.....	19
10.1 Pengangkutan dan Penyimpanan.....	19
10.2 Keadaan Pengendalian.....	19
10.3 Bahan Pengganggu.....	19
10.4 Dimensi Sensor.....	19
10.5 Pemindahan Data.....	20
10.6 Antara Muka Komunikasi.....	20
10.7 Ciri-ciri Elektromagnetik.....	20
10.8 Data Prestasi.....	23
10.9 Perlindungan IP.....	25
10.10 Kaedah Pensterilan.....	25
10.11 Bateri.....	25
10.12 Perisytiharan Pematuhan.....	25
11 Penerangan tentang Simbol.....	26
12 Glosari.....	28

Panduan Pengguna ini mengetengahkan maklumat penting seperti berikut:



AMARAN



AMARAN bermaksud bahaya serius yang boleh diramalkan.



LANGKAH KESELAMATAN



LANGKAH KESELAMATAN menerangkan langkah yang harus anda lakukan untuk menggunakan produk dengan selamat dan berkesan atau untuk mengelakkan kerosakan pada produk.

NOTA

NOTA mengandungi maklumat dan panduan yang berguna.

Sebelum Anda Bermula

App yang serasi mesti dipasang pada peranti mudah alih anda terlebih dahulu. Imbas kod QR pada bungkusan atau layari **go.roche.com/smartguideapp** untuk memuat turun app.

Baca Panduan Pengguna ini dan Panduan Pengguna app anda sebelum menggunakan produk ini. Panduan Pengguna ini tersedia di **go.roche.com/CGM-instructions**.

Baca Dokumen keserasian bagi memastikan peranti mudah alih anda serasi dengan app. Panduan Pengguna dan Dokumen keserasian boleh dimuat turun dari **go.roche.com/download-portal**.

Patuhi segala arahan keselamatan, maklumat keselamatan, data teknikal dan data prestasi.

NOTA

Lihat bab *Memasang Sensor Anda* untuk mula menggunakan sensor anda.

2.1 Tujuan Penggunaan

Peranti pemantauan glukosa berterusan (peranti CGM) bertujuan untuk mengukur nilai glukosa dalam bendalir interstisial subkutaneus secara berterusan pada masa sebenar.

2.2 Pengguna Sasaran

- Orang dewasa berumur 18 tahun ke atas
- Pesakit kencing manis
- Penjaga bagi pesakit kencing manis

2.3 Indikasi, Kontraindikasi dan Batasan

Indikasi

Peranti ini dihasilkan untuk kegunaan pesakit kencing manis (bukan dalam persekitaran klinikal).

Kontraindikasi

- Peranti ini tidak boleh digunakan oleh pesakit kritikal atau pesakit yang menjalani dialisis.
- Sensor mesti dikeluarkan sebelum pesakit memasuki persekitaran tertentu (selaras dengan piawaian IEC 60601-1-2). Persekitaran tertentu ini termasuklah kawasan tentera, kawasan perindustrian berat dan kawasan untuk rawatan perubatan yang menempatkan peralatan elektrik perubatan berkuasa tinggi (contohnya pengimejan resonans magnetik (MRI), tomografi berkomputer (CT), sinar-X, radioterapi atau diatermia).

Batasan


- Sensor hanya boleh digunakan oleh satu orang pesakit dan tidak bertujuan untuk digunakan di persekitaran klinikal.
- Sensor boleh digunakan sekali sahaja. Jangan gunakan semula sensor yang pernah digunakan sebelum ini.
- Paras glukosa dalam bendalir interstisial yang diukur oleh sensor mungkin tidak mencerminkan paras glukosa dalam darah yang sebenar. Ini boleh berlaku apabila paras glukosa dalam badan jatuh atau naik secara mendadak. Paras glukosa dalam bendalir interstisial mungkin lebih tinggi atau lebih rendah berbanding paras glukosa dalam darah yang sebenar. Tempoh sedemikian boleh dikesan dengan melihat anak panah trend dalam app anda. Dalam hal ini, anda mesti membuat keputusan terapi, seperti dos insulin, berdasarkan keputusan glukosa darah tambahan yang diperolehi dengan menggunakan meter glukosa darah. Untuk penjelasan tentang **glukosa bendalir interstisial**, lihat bab *Glosari*.
- Jika nilai CGM tidak sepadan dengan simptom anda, nilai tersebut hendaklah disahkan melalui ujian glukosa darah menggunakan meter glukosa darah.
- Sensor **hanya** perlu dipasang pada tempat aplikasi yang ditetapkan di lengan atas.
- Nilai CGM hanya boleh digunakan untuk membuat keputusan terapi, seperti dos insulin, selepas anda menentukan sensor anda sebagaimana yang diminta oleh app.
- Pengambilan bahan pengganggu boleh meningkatkan nilai CGM secara salah, ini boleh menyebabkan anda tidak menyedari berlakunya episod hipoglisemia yang teruk. Jika anda mengambil mana-mana bahan pengganggu yang disenaraikan, sila rujuk pakar kesihatan anda. Lihat bab *Data Teknikal* untuk menyemak senarai bahan pengganggu.

2.4 Kandungan Bungkusan

- 1 peranti (aplikator sensor dengan sensor di dalamnya)
- 1 risalah peranti

2.5 Cara Penyimpanan yang Disyorkan

- Peranti yang belum dibuka lagi hendaklah disimpan di tempat yang sejuk dan kering.
- Simpan pada suhu 2 hingga 27 °C.
- Jangan simpan dalam kereta yang dibiarkan di tempat letak kereta pada hari panas atau pada musim sejuk.
- Lihat bab *Data Teknikal* untuk mengetahui syarat pengangkutan dan penyimpanan yang disyorkan.

2.6 Gambaran Ringkas Komponen**A Tab tarik**

Anda boleh membuka peranti tersebut dengan menarik tab tarik.

B Penutup pulas

Label di bahagian bawah penutup pulas mengandungi PIN 6 digit yang diperlukan untuk menggandingkan sensor anda dengan app.

C Aplikator sensor

Aplikator sensor mengandungi sensor berserta jarum. Jarum akan ditarik masuk ke dalam aplikator sensor secara automatik selepas sensor dipasang.

2.7 Peralatan Tambahan yang Diperlukan

- App yang serasi mesti dipasang pada peranti mudah alih anda terlebih dahulu. Imbas kod QR pada bungkusan atau pergi ke go.roche.com/smartguideapp.
- Anda mesti menyediakan kaedah alternatif untuk menguji paras glukosa yang boleh digunakan sewaktu kecemasan apabila app atau sensor tidak berfungsi.

 AMARAN**Risiko bahaya yang serius**

Jangan ubah suai produk ini. Sentiasa patuhi arahan. Jika tidak, produk ini tidak dapat berfungsi sepertimana yang sepatutnya. Keadaan ini boleh mengakibatkan bahaya, antaranya termasuklah tindak balas buruk pada kulit, tindak balas terhadap benda asing, enkapsulasi (pembentukan salutan di sekeliling peranti), jangkitan atau bengkok bermanah.

 AMARAN**Risiko lemas**

Produk ini mengandungi bahagian-bahagian kecil yang boleh tertelan. Simpan bahagian kecil jauh daripada kanak-kanak dan orang yang boleh tertelan bahagian kecil ini.

 AMARAN**Risiko kesakitan**

Proses memasang dan mengeluarkan sensor boleh menyebabkan sedikit rasa sakit. Rasa sakit ini biasanya akan hilang selepas pemasangan selesai. Jika rasa sakit itu berlarutan, sila dapatkan rawatan perubatan.

 AMARAN**Risiko kecederaan**

Produk ini mengandungi bateri jenis butang. Jika tertelan, bateri butang litium boleh menyebabkan kecederaan teruk atau kematian dalam masa 2 jam.

Jauhkan bateri daripada kanak-kanak dan individu yang mungkin boleh tertelan bateri ini. Jika anda merasakan bahawa bateri mungkin telah ditelan atau masuk ke dalam mana-mana bahagian badan, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

 LANGKAH KESELAMATAN**Risiko pendarahan berpanjangan dan lebam**

Gangguan pembekuan darah atau ubat antitrombotik (seperti ubat pencair darah atau antiplatelet) boleh menyebabkan pendarahan berpanjangan dan lebam pada tempat aplikasi. Rujuk pakar kesihatan anda sebelum menggunakan produk ini.

 LANGKAH KESELAMATAN**Risiko bahaya yang serius**

Anda hendaklah membuat keputusan terapi, seperti dos insulin, berdasarkan nilai-nilai glukosa terkini yang diambil berbilang kali dan juga trend nilai glukosa anda. Nilai glukosa yang dipaparkan oleh app mungkin tidak selalunya tepat. Anda hendaklah sentiasa menyemak graf trend app ini sebelum membuat keputusan terapi, seperti dos insulin. Di samping itu, pertimbangkan juga keadaan kesihatan anda yang terkini dan tahap aktiviti fizikal semasa membuat keputusan terapi, seperti dos insulin.

Jangan abaikan gejala hipoglisemia atau hiperglisemia. Jangan buat perubahan yang besar terhadap terapi anda tanpa nasihat pakar kesihatan. Jika nilai glukosa anda yang dipaparkan itu tidak bertepatan dengan keadaan yang anda rasai:

- 1 Gunakan kaedah alternatif untuk menguji paras glukosa anda.
- 2 Jika simptom anda masih tidak bertepatan dengan nilai glukosa anda, sila rujuk kepada pakar kesihatan anda.

 LANGKAH KESELAMATAN**Risiko keputusan terapi yang salah**

Anda dinasihatkan agar sentiasa menyediakan kaedah alternatif bagi menguji paras glukosa anda. Jika peranti mudah alih anda hilang atau sekiranya berlaku kerosakan sistem, sila gunakan kaedah alternatif untuk menguji paras glukosa anda.

 LANGKAH KESELAMATAN**Risiko bahaya yang serius**

Sensor yang rosak mungkin tidak dapat berfungsi dengan sempurna.

Jika sensor telah terdedah kepada hentaman, contohnya jika ia terkena balingan bola, sila periksa sensor dengan mata kasar untuk mengesan sebarang kerosakan. Jika anda menyedari sesuatu yang luar biasa, sila keluarkan sensor itu dan gantikan dengan sensor baharu.

 LANGKAH KESELAMATAN**Risiko bahaya yang serius**

Kendalikan peranti mudah alih anda hanya sepertimana yang dinasihatkan oleh pengilang (sebagai contoh, jangan gunakan peranti yang rosak atau yang telah dimanipulasi). Jika ragu-ragu, sila hubungi pengilang peranti mudah alih anda.

- Pastikan sensor digandingkan di kawasan yang selamat dan dipercayai. Ini mengurangkan risiko orang lain membuat sambungan dengan sensor anda.
- Sambungan yang kerap terputus antara sensor dan app boleh memendekkan hayat bateri sensor. Pastikan sensor anda sentiasa berada dalam jarak dekat dengan peranti mudah alih anda.
- Dengan menggunakan mata kasar, periksa bungkusan, peranti, sensor dan jarum untuk mengesan sebarang kerosakan atau manipulasi. Jika tab tarik dilihat sudah terkeluar sebelum digunakan, ini bermakna sensor itu tidak steril. Jika anda melihat sesuatu yang luar biasa, jangan gunakan sensor tersebut. Sebaliknya, gunakan sensor baharu.
- Sensor mesti dipasang dengan segera selepas penutup pulas ditanggalkan daripada aplikator sensor.


- Jauhkan aplikator sensor yang sudah digunakan daripada kanak-kanak. Jika perumah aplikator sensor rosak dan jarum boleh disentuh, buang aplikator sensor mengikut peraturan tempatan, supaya tiada sesiapa yang tercedera akibatnya. Aplikator sensor juga hendaklah dibuang sekiranya terjatuh atau sesuatu telah terjatuh di atas aplikator sensor itu selepas anda menanggalkan penutup pulas.
- Jangan gunakan peranti sekiranya anda pernah mengalami tindak balas alahan terhadap pelekat pada kulit anda.
- Jangan gunakan produk penjagaan kulit dan produk penjagaan kebersihan pada sensor atau tempat aplikasi (contohnya bahan penghalau serangga, krim pelindung matahari dan sebagainya). Produk sebegini boleh merosakkan sensor atau pad berpelekat.
- Dalam kes yang jarang berlaku, jarum boleh tertinggal di dalam badan anda selepas anda memasang sensor. Hal ini boleh menyebabkan tindak balas buruk terhadap benda asing, pengkapsulan, jangkitan atau abses. Tarik jarum keluar jika anda mendapati jarum terjulur daripada sensor. Sekiranya berlaku tindak balas buruk, sila dapatkan rawatan perubatan.
- Pastikan agar anda sentiasa menyedari episod glukosa rendah atau sangat tinggi yang berlaku. Buka app secara berkala untuk memeriksa paras glukosa anda mengikut arahan pakar kesihatan anda atau jika anda merasakan bahawa paras glukosa anda mungkin rendah atau tinggi. Jangan sekali-kali abaikan simptom glukosa darah yang rendah atau tinggi.
- Sensor ialah bahagiangunaan jenis BF mengikut piawaian IEC 60601-1 dan dilindungi daripada risiko renjatan elektrik.
- Sensor boleh menghantar maklumat ke peranti mudah alih dalam jarak 10 meter (garis penglihatan). Jarak sebenar mungkin lebih pendek, bergantung pada peranti mudah alih tersebut dan persekitaran anda (contohnya ada peranti lain yang berdekatan).
- Sesiapa sahaja yang menyambungkan peralatan tambahan kepada peralatan elektrik perubatan telah dianggap melakukan penetapan sistem perubatan dan oleh itu bertanggungjawab memastikan agar sistem sedemikian mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk sistem elektrik perubatan. Peranti mudah alih anda perlu mematuhi piawaian IEC atau ISO yang berkenaan (contohnya IEC 60950 atau IEC 62368). Penetapan sistem itu hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk sistem elektrik perubatan (lihat klausa 16 dalam versi terkini IEC 60601-1 yang sah). Jika ragu-ragu, sila hubungi pengilang peranti mudah alih anda.
- Jika sambungan kepada sensor anda terputus, anda tidak akan menerima nilai glukosa atau penggera lagi sehingga sambungan itu kembali pulih. Sensor akan menyimpan data selama 8 jam sekiranya data itu tidak dapat dipindahkan ke app. Untuk mengelakkan kehilangan data, sensor mesti memindahkan data sebelum sensor kehabisan bateri.
- Sensor menghantar nilai glukosa terkini anda setiap 5 minit. Jika app tidak memaparkan nilai glukosa selama lebih 20 minit tanpa menghantar pemberitahuan atau penggera dalam log peristiwa, sila hubungi khidmat sokongan pelanggan.
- Jika tarikh tamat tempoh simpanan telah berlalu, sensor tidak boleh digandingkan dengan app lagi. Jangan gunakan peranti yang telah melepasi tarikh tamat tempoh simpanan kerana ia boleh menyebabkan jangkitan dan bengkak bernanah. Tarikh tamat tempoh simpanan dicetak di sebelah simbol  pada pembungkus produk (format: TTTT-BB-HH). Tarikh tamat tempoh simpanan ini terpakai untuk produk baharu yang belum dibuka.

NOTA


App yang serasi dengan sensor anda mesti dipasang pada peranti mudah alih anda terlebih dahulu.

Muat turun app dengan mengimbas kod QR pada pembungkusan menggunakan kamera pada peranti mudah alih anda.


- 1 Pegang peranti secara menegak. Perhatikan tab tarik (A). Aplikator sensor berwarna putih (C) berada di bahagian atas. Penutup pulas berwarna biru (B) berada di bahagian bawah.




- 2 Pilih tempat aplikasi (D) di bahagian belakang **lengan atas sebelah kanan atau kiri anda**. Jika tempat aplikasi berbulu, cukur tempat tersebut terlebih dahulu. Cuci tempat aplikasi untuk membersihkan kulit. Basmi kuman pada tempat aplikasi dengan swab beralkohol dan **biarkan kulit kering sepenuhnya**. Elakkan tempat aplikasi yang baru digunakan, serta parut, tanda regangan, bintik hati, benjolan, atau saluran darah. Jauhkan sensor sekurang-kurangnya 7.5 cm dari tempat suntikan insulin.



- 3 Selak sedikit tab tarik (A) untuk membukanya. Jika tab tarik sudah terbuka sebelum digunakan, sila buang peranti tersebut dan gunakan yang baharu.




- 4** Jangan tekan peranti. Pusing penutup pulas biru pada aplikator sensor putih untuk membuka penghadang steril. Anda akan terasa sedikit rintangan dan mendengar bunyi seperti sesuatu pecah. Tarik penutup pulas biru dan tanggalkannya daripada aplikator sensor putih. Jangan sentuh jarum di dalamnya. Jangan pasang semula penutup pulas biru selepas anda menanggalkannya.




NOTA

Simpan PIN 6 digit yang terdapat pada penutup pulas itu di lokasi yang selamat untuk menghalang orang lain daripada mengakses sensor anda. PIN itu diperlukan untuk menggandingkan sensor anda dengan app. Anda juga memerlukan PIN tersebut untuk menggandingkan sensor dengan peranti mudah alih yang lain. Jika penutup pulas biru dibuang sebelum sensor tamat tempoh, goreskan PIN 6 digit itu supaya ia tidak boleh dibaca lagi. Langkah ini dapat mengurangkan risiko orang lain menggandingkan sensor anda dengan peranti mudah alih mereka.


- 5** Rehatkan tangan sebelah lengan yang telah dibasmi kuman pada bahu yang bertentangan. Ini dapat membantu menegangkan kulit.



- 6** Hurlurkan tangan yang satu lagi **di bawah** lengan anda itu dan letakkan aplikator sensor putih di tempat aplikasi. Jangan sentuh bahagian dalamnya. Pegang aplikator sensor putih pada perumah luaran, seperti yang ditunjukkan dalam gambar. Pastikan seluruh bahagian bawah aplikator diletakkan rata pada kulit anda.




- 7** Tekan ke bawah dengan kuat untuk memasang sensor pada kulit.
- 8** Tanggalkan aplikator sensor putih tanpa memusingkan atau menggoyangkannya.



NOTA

Biasanya aplikator sensor boleh ditanggalkan dengan mudah. Jika anda menghadapi masalah menanggalkan aplikator sensor, tekannya kembali ke bawah dengan kuat dan cuba tanggalkannya semula.

- 9** Tekap pad berpelekat sambil menekannya dengan jari untuk memastikan pad berpelekat itu telah melekat dengan sempurna.



- ✓** Sensor kini sudah sedia untuk digandingkan dengan app pada peranti mudah alih anda. Ikut arahan dalam app untuk menggandingkan dan menentukurkan sensor anda.

NOTA

- Selepas memasang sensor baharu, gandingkannya dengan app secepat mungkin. Selepas 2 jam, sensor akan mengambil masa yang lebih lama untuk berganding bagi menjimatkan hayat bateri. Jika sambungan terputus, sambungkan semula sensor dengan peranti secepat mungkin.
- Sensor akan memberikan nilai CGM selepas tempoh menunggu selama 1 jam.
- Nilai CGM anda mungkin kurang tepat dalam masa 24 jam pertama selepas pemasangan sensor. Ketepatan nilai ini umumnya akan meningkat dari semasa ke semasa. Jika nilai CGM tidak sepadan dengan simptom anda, nilai tersebut hendaklah disahkan melalui ujian glukosa darah menggunakan meter glukosa darah.

Penentuan sensor CGM membolehkan anda menggunakan nilai CGM untuk membuat keputusan terapi, seperti dos insulin serta meningkatkan ketepatan nilai CGM. Cara untuk menentukan sensor adalah dengan memasukkan nilai glukosa semasa daripada meter glukosa anda dalam app. App akan menggesa anda untuk berbuat demikian pada hari pertama penggunaan.

5.1 Mod Trend dan Mod Terapi

Terdapat 2 mod nilai CGM: **Mod trend** dan **Mod terapi**. Mod yang sedang digunakan oleh sensor ditunjukkan di bawah nilai CGM pada skrin Utama.

Untuk mendapatkan penerangan tentang istilah **Mod trend** dan **Mod terapi**, lihat bab *Glosari*.

Sewaktu sensor dalam **Mod trend**:

- Nilai CGM tidak sepatutnya digunakan untuk membuat keputusan terapi, seperti dos insulin. Sebaliknya, gunakan keputusan ujian yang diperolehi melalui meter glukosa darah untuk membuat keputusan terapi.
- Nilai CGM boleh digunakan untuk melihat trend sahaja dan digunakan sebagai rujukan am.

Sewaktu sensor dalam **Mod terapi**:

- Nilai CGM boleh digunakan untuk membuat keputusan terapi, seperti dos insulin.

Selepas tempoh menunggu sistem selama 1 jam, sensor berada dalam **Mod trend** dan menghantar nilai CGM ke app setiap 5 minit. Jangan gunakan data nilai CGM awal itu untuk membuat keputusan terapi, seperti dos insulin. Selepas sensor diletakkan pada badan selama 12 jam, app akan meminta anda untuk membuat penentuan.

5.2 Penentuan

Lakukan penentuan hanya apabila semua syarat berikut telah dipenuhi:

- Anda telah memakai sensor selama sekurang-kurangnya 12 jam.
- Paras glukosa darah anda tidak berubah dengan cepat.
- Beberapa jam sudah berlalu sejak anda makan atau minum sesuatu yang boleh mengubah paras glukosa anda.
- Anda tidak melakukan aktiviti fizikal baru-baru ini.
- Anda tidak menyuntik insulin baru-baru ini (contohnya, untuk membetulkan paras glukosa yang tinggi).
- Anda tidak berada dalam persekitaran dengan suhu yang sangat panas, sejuk, atau cepat berubah-ubah.

Untuk menentukan sensor anda:

- 1 Uji glukosa darah anda dengan menggunakan meter glukosa darah mengikut arahan pengilang.
- 2 Masukkan nilai glukosa dalam app. Nilai ini hendaklah dimasukkan selewat-lewatnya 3 minit selepas ujian dijalankan. Rujuk Panduan Pengguna App untuk maklumat lanjut.
- 3 Sensor memasuki **Mod terapi**. Nilai CGM kini boleh digunakan untuk membuat keputusan terapi, seperti dos insulin.
- 4 30 minit hingga 3 jam kemudian, lakukan satu lagi ujian glukosa darah dan masukkan nilai glukosa ke dalam app. Ini adalah untuk mengesahkan bacaan yang pertama. Nota: Jika anda melangkau langkah ini, sensor akan kembali ke **Mod trend**.

Jika penentuan tidak berjaya, tunggu lebih kurang 30 minit sebelum mengulangi proses tersebut. Semasa mengulangi proses tersebut, gunakan nilai glukosa baharu daripada meter glukosa darah anda.

Prestasi sistem tidak boleh dijamin sekiranya nilai glukosa darah yang salah digunakan untuk penentukuran.

Jika anda mengesahkan nilai penentukuran yang salah, nilai itu tidak boleh dipadam. Keluarkan sensor itu dan gantikan dengan sensor baharu.

Untuk memastikan pelekatan yang terbaik, pastikan tapak sensor sentiasa kering dan bebas peluh dalam tempoh 12 jam pertama.

Anda boleh memakai sensor ini hingga 14 hari. Selepas tempoh tersebut, tanggalkan dan buang sensor itu.

Sensor anda kalis air. Ia boleh dipakai semasa anda berendam dalam air, berenang atau mandi. Jangan biarkan sensor terendam lebih daripada 60 minit atau pada kedalaman melebihi 1 meter.

Jika bahagian pinggir luar pad berpelekat itu terangkat sedikit daripada kulit, sensor masih boleh berfungsi dengan baik. Walau bagaimanapun, jika mana-mana bahagian pad berpelekat di bawah sensor itu terangkat daripada kulit, jangan cuba pasang semula sensor atau gunakan pita pelekat untuk melekatkan sensor pada kulit. Sensor yang dipasang semula mungkin tidak dapat berfungsi dengan betul. Sebaliknya, keluarkan sensor itu dan pasang sensor baharu.

Jika sensor sudah terkeluar dan terjatuh, jangan gunakan semula sensor tersebut. Sensor yang dipasang semula mungkin tidak dapat berfungsi dengan betul. Sebaliknya, keluarkan sensor itu dan pasang sensor baharu.

Kebersihan dan Penjagaan Kulit


Lakukan rutin kebersihan diri anda seperti biasa tetapi elakkan sensor daripada terkena sabun dan syampu dengan terlalu banyak. Gunakan sabun dalam kuantiti yang paling minimum untuk memastikan sensor sentiasa berada dalam keadaan bersih.

Badan anda mungkin bertindak balas terhadap sensor atau pad berpelekat yang digunakan. Periksa tempat aplikasi dengan kerap untuk mengesan sebarang kerengsaan atau keradangan kulit. Jika anda ragu-ragu atau jika tempat aplikasi mengalami keradangan atau jika berlaku tindak balas kulit setempat (contohnya tindak balas alahan, ekzema), keluarkan sensor dengan segera dan dapatkan nasihat pakar kesihatan anda.

Lapangan terbang

Sewaktu berada di lapangan terbang, anda boleh membiarkan sensor terpasang pada badan anda semasa anda berjalan melintasi mesin pengimbas badan. Bawa sijil perubatan anda dan pastikan ia tersedia supaya anda dapat menjawab sebarang pertanyaan daripada kakitangan keselamatan. Sensor gantian di dalam bagasi anda juga boleh dibawa melepasi mesin pemeriksaan di lapangan terbang.

- 1 Mula mengupas pad berpelekat pada bahagian sensor yang rata.



- 2 Periksa bahagian belakang sensor: Pastikan elemen pengesanan sensor telah ditanggalkan sepenuhnya dari tempat aplikasi selepas sensor dialihkan. Periksa tempat aplikasi itu dengan menggunakan jari anda atau lakukan pemeriksaan visual. Jika elemen pengesanan masih ada pada kulit anda atau tempat aplikasi terasa ganjil (contohnya sakit, bengkak atau merah), hubungi pakar kesihatan anda.

NOTA

Perasaan luar biasa di tempat aplikasi masih boleh berlaku beberapa hari selepas sensor anda dikeluarkan. Jika ini berlaku, sila rujuk kepada pakar kesihatan anda.

**LANGKAH KESELAMATAN****Risiko jangkitan**

Komponen terpakai yang bersentuhan dengan bendalir badan manusia boleh menyebarkan jangkitan.

Buang sensor sebagai bahan yang berpotensi berjangkit mengikut peraturan tempatan. Untuk mendapatkan maklumat tentang cara membuang komponen terpakai dengan betul, sila hubungi majlis perbandaran atau pihak berkuasa tempatan anda.

Komponen lain dalam bungkusan produk ini boleh dibuang bersama sampah rumah.

Aplikator sensor yang rosak atau jarum sensor yang terdedah boleh menyebabkan kecederaan.

Lupuskan objek tajam mengikut peraturan tempatan. Pastikan objek tajam tidak menyebabkan kecederaan kepada anda dan orang lain.

Memandangkan sensor anda mungkin bersentuhan dengan bendalir badan manusia semasa digunakan, ia berpotensi membawa risiko jangkitan. Lupuskan sensor itu mengikut peraturan tempatan. Memandangkan sensor adalah untuk kegunaan sekali sahaja, ia tidak terangkum di bawah skop Direktif Eropah 2012/19/EU (direktif mengenai sisa peralatan elektrik dan elektronik).

Hubungi Kami

Jika anda menghadapi masalah, mempunyai soalan atau memerlukan maklumat lanjut tentang peranti Accu-Chek SmartGuide, sila hubungi khidmat sokongan pelanggan.

Melaporkan Kejadian Serius

Laporkan sebarang kejadian serius yang berpunca daripada penggunaan peranti ini kepada Roche dan pihak berkuasa negara anda.

Panduan Pengguna Bercetak

Jika anda ingin mendapatkan versi bercetak panduan pengguna ini, sila hubungi khidmat sokongan pelanggan. Versi bercetak adalah percuma dan akan dihantar kepada anda dalam masa beberapa hari.

Muat turun Panduan Pengguna

Muat turun Panduan Pengguna ketika anda mempunyai sambungan internet dan simpannya dalam peranti mudah alih anda untuk kegunaan semasa tiada sambungan internet. Panduan pengguna ini boleh dimuat turun dari go.roche.com/download-portal.*

Malaysia

Accu-Chek Customer Care Line: 1-800-22-1313

smartguide.my@roche.com

* muat turun mungkin menggunakan data/dikenakan caj.

Nama Produk

Peranti Accu-Chek SmartGuide

Prinsip Pengendalian

Peranti pemantauan glukosa berterusan (CGM) terdiri daripada aplikator dan sensor. Aplikator dibuang selepas penggunaan, sementara sensor kekal pada kulit, dengan sensor elektrokimianya dimasukkan secara subkutaneus. Sejenis komponen elektronik berfungsi memproses data sensor dan melancarkan komunikasi.

Sensor disambungkan dengan app yang berperanan sebagai paparan dan penerima utama data. Semasa penentuan, nilai glukosa darah akan dimasukkan ke dalam app dan dihantar kepada sensor. Sensor itu kemudiannya akan mengukur paras glukosa dalam bendalir interstisial dan menghantar data ini kepada app setiap 5 minit.

10.1 Pengangkutan dan Penyimpanan

Syarat pengangkutan dan penyimpanan sensor dalam bungkusan yang belum dibuka:

- Julat suhu: 2 hingga 27 °C
- Julat kelembapan udara: 10 hingga 90% (tanpa pemeluwapan)
- Julat tekanan udara: 549 hingga 1060 hPa

Pastikan agar anda hanya menyimpan produk yang belum dibuka. Pasang sensor sejurus selepas bungkusannya dibuka.

10.2 Keadaan Pengendalian

- Julat suhu: 10 hingga 40 °C
- Julat kelembapan udara: 15 hingga 90% (tanpa pemeluwapan, tekanan separa wap air kurang daripada 50 hPa)
- Julat tekanan udara: 700 hingga 1060 hPa
- Altitud maksimum: 3000 m

Masa untuk memanaskan peranti CGM daripada suhu penyimpanan terendah (2 °C) kepada suhu pengendalian terendah (10 °C) adalah kurang daripada 17 minit.

Suhu permukaan sensor akan kekal di bawah 43 °C dan hanya akan melebihi 41 °C untuk tempoh yang terhad.

10.3 Bahan Pengganggu

Pengambilan bahan pengganggu berikut semasa memakai sensor boleh meningkatkan nilai CGM yang dipaparkan dalam app secara salah:

- Asid Askorbik (vitamin C): lebih daripada 500 mg / hari secara oral, atau sebarang jumlah yang diberikan secara intravena
- Suplemen dengan asid gentisik
- Metildopa

Nilai CGM yang meningkat secara salah boleh menyebabkan pengambilan dos insulin berlebihan dan menyebabkan anda tidak menyedari berlakunya episod glukosa yang sangat rendah. Jika anda mengambil mana-mana bahan pengganggu yang disenaraikan, sila rujuk pakar kesihatan anda.

10.4 Dimensi Sensor

Ketinggian (termasuk pad berpelekat)	lebih kurang 5.9 mm
Panjang jarum	lebih kurang 8.2 mm

Diameter sensor tanpa pad berpelekat	lebih kurang 33.3 mm
Berat	lebih kurang 5 g

10.5 Pemindahan Data

Sensor memindahkan data berikut kepada app:

- Nombor siri
- Versi perisian tegar
- Versi perkakasan
- Maklumat sensor (ID Sistem / alamat MAC)
- Masa untuk penentuan seterusnya
- Nilai CGM
- Maklumat status

Nilai CGM yang dijana sewaktu sensor berada dalam Mod trend ditunjukkan oleh Bit Indikator Status Sensor **Penentuan diperlukan**.

10.6 Antara Muka Komunikasi

Tujuan antara muka	Antara muka komunikasi. Membolehkan sensor melakukan pertukaran data dengan peranti mudah alih.
Spesifikasi antara muka	<i>Bluetooth®</i> Low Energy 5.0 atau ke atas
Jalur frekuensi bagi penerimaan dan penghantaran frekuensi radio	<i>Bluetooth®</i> Low Energy 5.0: 2.402–2.480 GHz
Jenis dan ciri-ciri frekuensi modulasi	GFSK (Penguncian Anjakan Frekuensi Gaussian)
Kuasa pancaran efektif untuk isyarat	Kurang daripada 10 mW
Kaedah penyegerakan masa	Sensor disegerakkan mengikut sela penyegerakan peranti mudah alih.
Julat <i>Bluetooth®</i> Low Energy	10 m
Akses kepada sambungan <i>Bluetooth®</i> Low Energy dengan peranti mudah alih	Pada peranti mudah alih, teknologi <i>Bluetooth®</i> Low Energy mesti dihidupkan untuk membuat sambungan.
Gangguan frekuensi radio	Komunikasi mungkin terjejas oleh peranti frekuensi radio yang lain.

10.7 Ciri-ciri Elektromagnetik

Keserasian Elektromagnet (EMC)

Semua ujian EMC telah dijalankan mengikut piawaian IEC 60601-1-2:2014, IEC 60601-1-2:2014/AMD1:2020.

! AMARAN

Risiko gangguan

Medan elektromagnet dan radiasi elektromagnet mungkin mengganggu operasi sensor, seterusnya menghasilkan nilai CGM yang salah. Sensor boleh mempengaruhi peralatan lain (contohnya melalui isyarat *Bluetooth®* yang dipancarkan) sekiranya ia digunakan di luar spesifikasi teknikalnya. Sensor mestilah sentiasa digunakan mengikut spesifikasi teknikalnya.

! AMARAN

Risiko malfungsi

Jangan letakkan peranti lain berhampiran atau di atas sensor. Penggunaan sensor bersebelahan atau bersama peranti lain mungkin mengakibatkan operasi yang tidak betul. Jika penggunaan sedemikian diperlukan, anda hendaklah selalu perhatikan sensor dan peranti lain itu. Sahkan bahawa sensor dan peranti lain itu beroperasi sepertimana yang sepatutnya.

Jangan dekatkan peranti komunikasi frekuensi radio mudah alih (termasuk perkakasan luar seperti kabel antena dan antena luaran) kurang daripada 30 cm dengan sensor. Ini boleh menjejaskan prestasi sensor.

Pelepasan Elektromagnet

Sensor mematuhi Piawaian Pelepasan berikut.

Pelepasan RF terpancar mengikut:

- CISPR 11 (EN 55011) kelas B, kumpulan 1
- RTCA DO160G Bahagian 21, kategori M untuk kegunaan dalam kabin

Imuniti Elektromagnet

Sensor mematuhi piawaian imuniti dan tahap ujian imuniti berikut.

Nyahcas elektrostatik (IEC 61000-4-2), Tahap Ujian:

- Sentuhan: ± 2 kV, ± 4 kV, ± 6 kV, ± 8 kV
- Udara: ± 2 kV, ± 4 kV, ± 8 kV, ± 15 kV

Medan Elektromagnet RF terpancar (IEC 61000-4-3), Tahap Ujian:

- 10 V/m, 80 MHz–2.7 GHz, 80% AM pada 1 kHz

Medan jarak dekat daripada peralatan komunikasi wayarles RF (IEC 60601-1-2 Jadual 9), tahap ujian:

Frekuensi Ujian (MHz)	Jalur Frekuensi (MHz)	Perkhidmatan	Modulasi	Tahap Ujian Imuniti (V/m)
385	380 hingga 390	TETRA 400	Modulasi denyut 18 Hz	27
450	430 hingga 470	GMRS 460, FRS 460	FM sisihan ± 5 kHz sinus 1 kHz	28

Frekuensi Ujian (MHz)	Jalur Frekuensi (MHz)	Perkhidmatan	Modulasi	Tahap Ujian Imuniti (V/m)
710	704 hingga 787	LTE Jalur 13, 17	Modulasi denyut 217 Hz	9
745				
780				
810	800 hingga 960	GSM 800/900, TETRA 800, iDEN 820, CDMA 850, LTE Jalur 5	Modulasi denyut 18 Hz	28
870				
930				
1720	1700 hingga 1990	GSM 1800; CDMA 1900; GSM 1900; DECT; LTE Jalur 1, 3, 4, 25; UMTS	Modulasi denyut 217 Hz	28
1845				
1970				
2450	2400 hingga 2570	Bluetooth®, WLAN, 802.11 b/g/n, RFID 2450, LTE Jalur 7	Modulasi denyut 217 Hz	28
5240	5100 hingga 5800	WLAN 802.11 a/n	Modulasi denyut 217 Hz	9
5500				
5785				

Medan magnet frekuensi kuasa berkadar (IEC 61000-4-8), tahap ujian:

- 30 A/m, 50 Hz
- 30 A/m, 60 Hz

Medan magnet jarak dekat (IEC 61000-4-39), tahap ujian:

- 8 A/m, 30 kHz, modulasi CW
- 65 A/m, 134.2 kHz, modulasi denyut, kitaran tugas 50%, 2.1 kHz kadar pengulangan
- 7.5 A/m, 13.56 MHz, modulasi denyut, kitaran tugas 50%, 50 kHz kadar pengulangan

Perlindungan daripada Kejutkan Elektrik




Peranti elektronik jenis BF menurut piawaian IEC 60601-1.
Perlindungan daripada kejutan elektrik.

10.8 Data Prestasi

Sila rujuk pakar kesihatan anda untuk membincangkan penggunaan data yang berikut.

Prestasi sensor Accu-Chek SmartGuide telah dinilai dalam suatu percubaan klinikal terkawal¹. Kajian tersebut dijalankan di 3 buah pusat klinikal melibatkan 48 individu yang menghidap diabetes Jenis 1 atau diabetes Jenis 2 yang bergantung pada insulin (umur 18 tahun ke atas). Setiap peserta kajian memakai 3 sensor selama 14 hari di bahagian belakang lengan atas mereka. Semasa kajian, 3 hari persampelan dengan manipulasi glukosa telah dijalankan, dan ukuran glukosa kapilari telah diambil sebagai nilai perbandingan. Dalam kajian itu, 3 kelompok sensor telah diselidik.

Rajah 1: Analisis regresi nilai sensor berbanding pengukuran glukosa kapilari



a = Nilai CGM [mg/dL]; **b** = Nilai Pembanding [mg/dL]

Jadual 1: Analisis regresi

Cerun	1.02
Persilangan paksi	-4.2 mg/dL (-0.2 mmol/L)
Korelasi (r Pearson)	0.96
N	15993
Julat	40–400 mg/dL (2.2–22.2 mmol/L)
Purata perbezaan relatif mutlak keseluruhan	9.2%

Jadual 2: Prestasi sensor berbanding dengan pengukuran glukosa kapilari pada julat glukosa yang berlainan

Glukosa	Purata sisihan mutlak/Purata perbezaan relatif mutlak keseluruhan*
< 54 mg/dL (3.0 mmol/L)	7.5 mg/dL (0.42 mmol/L)*
54–69 mg/dL (3.0–3.8 mmol/L)	7.0 mg/dL (0.39 mmol/L)*
70–180 mg/dL (3.9–10.0 mmol/L)	9.8%
> 180–250 mg/dL (10.0–13.9 mmol/L)	8.0%

Glukosa	Purata sisihan mutlak/Purata perbezaan relatif mutlak keseluruhan*
> 250–350 mg/dL (13.9–19.4 mmol/L)	7.3%
> 350 mg/dL (19.4 mmol/L)	4.9%

* Untuk paras glukosa < 70 mg/dL (3.9 mmol/L), nilai yang dipaparkan ialah perbezaan dalam mg/dL (mmol/L) dan bukannya perbezaan relatif (%).

NOTA

Purata perbezaan relatif mutlak (Mean Absolute Relative Difference, MARD) ialah purata sisihan relatif mutlak nilai CGM daripada nilai glukosa dalam darah yang diukur secara serentak. Purata perbezaan relatif mutlak ditentukan seperti berikut:

- Nilai glukosa darah yang diukur secara serentak itu ditolak daripada nilai CGM. Jumlah mutlak perbezaan tersebut dikira mengikut peratusan daripada nilai glukosa darah. Peratusan bagi semua pasangan nilai akan ditambah dan hasilnya dibahagikan dengan bilangan pasangan nilai itu (n).

Purata Sisihan Mutlak (Mean Absolute Deviation, MAD) ialah purata bagi perbezaan mutlak untuk nilai CGM berbanding nilai glukosa darah yang diukur serentak. MAD ditentukan seperti berikut:

- Nilai glukosa darah yang diukur secara serentak itu ditolak daripada nilai CGM, dan jumlah mutlak perbezaan itu akan diambil. Jumlah bagi semua pasangan nilai akan ditambah dan hasilnya dibahagikan dengan bilangan pasangan nilai itu (n).

Jadual 3: Prestasi sensor berbanding pengukuran glukosa kapilari sepanjang tempoh hayat penggunaan sensor

	Pemulaan	Pertengahan	Akhir
Purata perbezaan relatif mutlak keseluruhan	8.3%	9.0%	10.8%

Jadual 4: Prestasi sensor mengikut kadar kesepadanan

	Jumlah bilangan pasangan	Antara ± 15 mg/dL (± 0.8 mmol/L) dan $\pm 15\%$ nilai pengukuran glukosa kapilari	Antara ± 20 mg/dL (± 1.1 mmol/L) dan $\pm 20\%$ nilai pengukuran glukosa kapilari	Antara ± 30 mg/dL (± 1.7 mmol/L) dan $\pm 30\%$ nilai pengukuran glukosa kapilari	Antara ± 40 mg/dL (± 2.2 mmol/L) dan $\pm 40\%$ nilai pengukuran glukosa kapilari
Prestasi keseluruhan sensor	15993	13345 (83.4%)	14471 (90.5%)	15510 (97.0%)	15803 (98.8%)
Prestasi sensor < 70 mg/dL (3.9 mmol/L)	1121	998 (89.0%)	1057 (94.3%)	1112 (99.2%)	1118 (99.7%)

Prestasi sensor 70–180 mg/dL (3.9–10.0 mmol/L)	9793	7923 (80.9%)	8718 (89.0%)	9444 (96.4%)	9660 (98.6%)
Prestasi sensor > 180 mg/dL (10.0 mmol/L)	5079	4424 (87.1%)	4696 (92.5%)	4954 (97.5%)	5025 (98.9%)

Sila ambil perhatian bahawa semua data prestasi yang ditunjukkan itu mewakili data daripada sensor yang telah ditentukan oleh pengguna. Dalam kajian ini, sensor yang belum ditentukan oleh pengguna menunjukkan nilai purata perbezaan relatif mutlak keseluruhan 10.2%.

Kejadian Buruk

Tiada kejadian buruk yang serius atau kejadian buruk yang serius berkaitan peranti telah berlaku dalam kajian. Sejumlah 35 kejadian buruk telah dilaporkan berlaku semasa kajian. Daripada jumlah ini, 15 kes didapati berkaitan atau mungkin berkaitan dengan peranti tersebut. Kesemua 15 kejadian buruk ini didapati berkaitan dengan tindak balas di tempat aplikasi, seperti pendarahan yang sedikit, rasa sakit, hematoma, eritema, keradangan yang ringan atau pruritus.

Rujukan

1. Mader JK, Waldenmaier D, Mueller-Hoffmann W, Mueller K, Angstmann M, Vogt G, Rieger CC, Eichenlaub M, Forst T, Freckmann G.: "Performance of a Novel Continuous Glucose Monitoring Device in People With Diabetes". *J Diabetes Sci Technol*. 2024 Sep;18(5):1044-1051. doi: 10.1177/19322968241267774. Epub 2024 Aug 19. PMID: 39158986; PMCID: PMC11418503.

10.9 Perlindungan IP

IP28: Sensor dilindungi daripada akses oleh jari ke bahagian berbahaya dan dilindungi daripada kesan rendaman berterusan dalam air pada kedalaman 1 meter sehingga 60 minit.

10.10 Kaedah Pensterilan

Elemen pengesanan dan jarum telah disterilkan dengan iradiasi.

10.11 Bateri

Produk ini dilengkapi dengan bateri yang mengandungi Bahan yang Sangat Membimbangkan (Substance of Very High Concern, SVHC), iaitu 1,2-dimethoxyethane (CAS 110-71-4), pada kepekatan melebihi 0.1% mengikut berat, sepertimana dinyatakan di bawah REACH dan ditambahkan dalam Senarai Calon (Candidate List). Tiada pendedahan secara langsung kepada bahan ini. Oleh itu, tiada risiko apabila sensor dikendalikan mengikut arahan penggunaan.

10.12 Perisytiharan Pematuhan

Roche dengan ini mengisytiharkan bahawa jenis peralatan radio peranti Accu-Chek SmartGuide mematuhi Arahan 2014/53/EU.

Teks penuh perisytiharan pemuatan EU tersedia melalui laman web yang berikut:

<https://declarations.accu-chek.com>

Simbol berikut tertera pada peranti dan pembungkusan:

Simbol	Deskripsi
	Rujuk arahan penggunaan atau rujuk arahan penggunaan elektronik.
	Ikut arahan penggunaan (simbol biru atau hitam)
	Had suhu
	Had kelembapan udara
	Had tekanan atmosfera
	Boleh digunakan hingga
	Jangan gunakan jika bungkusannya terkoyak
	Sterilisasi melalui iradiasi
	Gunakan sekali sahaja
	Tarikh mengilang
	Peranti perubatan

Simbol	Deskripsi
	Pengeluar
	Menunjukkan wakil yang sah di Switzerland
	Pengecam peranti unik
	Kod katalog
	Nombor siri
	Kod kumpulan
	Mematuhi peruntukan Perundangan Kesatuan Eropah (EU) yang berkenaan
	Untuk Sepanyol dan Portugal sahaja: Simbol ini menandakan arahan pelupusan sisa tempatan yang berkenaan dengan Sepanyol dan Portugal.
	Tanda pematuhan tersebut menunjukkan bahawa produk ini mematuhi piawaian yang berkenaan dan mewakili hubungan yang boleh dijejak antara peralatan dan pengilang, pengimport atau ejen mereka yang bertanggungjawab terhadap pematuhan dan yang memperkenalkannya ke dalam pasaran Australia dan New Zealand.
	Produk ini mengandungi bateri jenis butang.
	Produk ini mematuhi keperluan Pihak Berkuasa Komunikasi Bebas Afrika Selatan.

penentuan

Memasukkan nilai glukosa yang diperoleh daripada ujian meter glukosa darah ke dalam app untuk meningkatkan ketepatan sensor. Langkah ini diperlukan setiap kali sensor baharu dipasang pada lengan dan digandingkan dengan app. Ini membolehkan nilai glukosa yang diperoleh daripada sensor digunakan untuk membuat keputusan terapi, seperti dos insulin.

nilai penentuan

Nilai glukosa terkini yang diperoleh daripada ujian meter glukosa darah dan dimasukkan ke dalam app untuk meningkatkan ketepatan sensor. Ini membolehkan nilai glukosa yang diperoleh daripada sensor digunakan untuk membuat keputusan terapi, seperti dos insulin.

bahan pengganggu

Bahan tertentu (contohnya dalam ubat atau makanan), yang apabila diberikan, diketahui boleh menjejaskan ketepatan nilai glukosa.

glukosa dalam bendalir interstisial

Glukosa dalam lapisan nipis cecair yang mengelilingi sel-sel tisu di bawah permukaan kulit.

mg/dL (miligram per desiliter)

mg/dL menunjukkan berat jumlah zarah (glukosa) yang terdapat dalam satu desiliter. Ia merujuk kepada berat.

mg/dL sering digunakan di Argentina, Austria, Belgium, Brazil, Chile, Colombia, Cyprus, Mesir, Perancis, Jerman, Yunani, India, Iran, Israel, Itali, Jepun, Luxembourg, Mexico, New Zealand, Poland, Portugal, Romania, Korea Selatan, Sepanyol, Taiwan, Thailand, Turki, Emiriah Arab Bersatu, Amerika Syarikat.

mmol/L (milimol per liter)

mmol/L menunjukkan bilangan zarah (glukosa) dalam satu liter. Ia merujuk kepada kuantiti bahan dalam 1 liter.

mmol/L sering digunakan di Australia, Bosnia-Herzegovina, Bulgaria, Kanada, China, Croatia, Republik Czech, Denmark, Estonia, Finland, Jerman, Hungary, Kazakhstan, Latvia, Lithuania, Malaysia, Belanda, Macedonia Utara, Norway, Rusia, Serbia, Singapura, Slovakia, Slovenia, Sweden, Switzerland, Afrika Selatan, United Kingdom.

peranti mudah alih

Telefon pintar atau komputer tablet yang menggunakan app.

keputusan terapi

Sebarang rawatan yang dilakukan atau diberikan untuk mengembalikan nilai glukosa kepada, atau mengekalkannya pada paras normal.

Mod terapi

Status sensor selepas pengguna melakukan penentuan. Dalam status ini, nilai CGM boleh digunakan untuk membuat keputusan terapi, seperti dos insulin.

Mod trend

Status sensor sebelum pengguna melakukan penentuan. Dalam status ini, nilai CGM hanya boleh digunakan untuk melihat trend dan digunakan sebagai rujukan am.

ACCU-CHEK dan ACCU-CHEK SMARTGUIDE ialah tanda dagang Roche.

Tanda kata dan logo Bluetooth® ialah tanda dagangan berdaftar yang dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. dan sebarang penggunaan tanda berikut oleh Roche adalah berlesen.

Semua nama dan tanda dagangan produk yang lain ialah kepunyaan pemilik masing-masing.

© 2026 Roche Diabetes Care



Roche Diabetes Care GmbH
Sandhofer Strasse 116
68305 Mannheim, Germany

www.accu-check.com

Semakan terakhir: 2026-04

1000109036(01)